



**GARIS PANDUAN BAGI KELULUSAN KETUA PENGARAH HASIL  
DALAM NEGERI DI BAWAH SUBSEKSYEN 44(6) AKTA CUKAI  
PENDAPATAN 1967**

---

**1. PENDAHULUAN**

1.1 Garis panduan ini bertujuan :

- i. menggantikan Garis Panduan Bagi Permohonan Untuk Kelulusan Di Bawah Subseksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP 1967) yang dikeluarkan pada Januari 2005.
- ii. pindaan perenggan 3.3 (i), perenggan 6.1(iv)(c) dan perenggan 10.3 (ii) ke atas Garispanduan yang sama dikeluarkan pada 05 September 2019.
- iii. memaklumkan keperluan pemohon mengisi dan mengesahkan serta memperakui senarai semak dokumen sebelum menghantar permohonan kelulusan subseksyen 44(6) ACP 1967 (tambahan perenggan 4.5).

1.2 Garis panduan ini menerangkan:

- i. jenis-jenis institusi atau organisasi yang layak untuk memohon kelulusan di bawah subseksyen 44(6) ACP 1967;
- ii. kriteria kelayakkan institusi atau organisasi bagi permohonan kelulusan di bawah subseksyen 44(6) ACP 1967;
- iii. prosedur permohonan kelulusan di bawah subseksyen 44(6) ACP 1967;
- iv. syarat-syarat kelulusan di bawah subseksyen 44(6) ACP 1967;
- v. tanggungjawab institusi atau organisasi setelah mendapat kelulusan di bawah subseksyen 44(6) ACP 1967;
- vi. akibat pelanggaran syarat-syarat kelulusan;

## LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

---

- vii. tempoh masa kelulusan, lanjutan dan rayuan permohonan di bawah subseksyen 44(6) ACP 1967;
  - viii. kuasa Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri (KPHDN) ke atas kelulusan dan penganan syarat-syarat; dan
  - x. layanan cukai ke atas pemberi sumbangan.
- 1.3 Garis panduan ini tidak terpakai kepada mana-mana permohonan berkaitan Rumah Ibadat dan Sekolah.

## 2. JENIS INSTITUSI ATAU ORGANISASI YANG LAYAK MEMOHON KELULUSAN DI BAWAH SUBSEKSYEN 44(6) ACP 1967

2.1 Institusi atau organisasi yang layak memohon mesti **ditubuhkan di Malaysia** dan didaftarkan seperti berikut:-

- i. sebuah syarikat berhad menurut jaminan di bawah Akta Syarikat 2016 (Suruhanjaya Syarikat Malaysia);
- ii. sebuah pertubuhan di bawah Akta Pertubuhan 1966 (Pendaftar Pertubuhan Malaysia);
- i. sebuah pertubuhan perbadanan di bawah Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952 (Bahagian Hal Ehwal Undang-undang, Jabatan Perdana Menteri); atau
- ii. mana-mana badan pendaftar lain yang diiktiraf.

2.2 Dalam perenggan 2.1 –

**Institusi** ertinya satu institusi di Malaysia yang bukan dikendalikan atau dijalankan untuk tujuan mencari keuntungan iaitu:-

- i. sebuah hospital;
- ii. sebuah institusi awam atau institusi amal/kebajikan;
- iii. sebuah universiti (yang ditubuhkan di bawah Akta Universiti Dan Kolej Universiti 1971) atau institusi pendidikan lain (yang ditubuhkan di bawah sesuatu Kementerian);

## LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

---

- iv. pihak berkuasa awam atau persatuan yang menjalankan penyelidikan dan kegiatan yang berkaitan dengan mencari punca penyakit, pencegahan atau pengubatan penyakit manusia;
- v. sebuah institusi bantuan Kerajaan yang menjalankan penyelidikan sosio-ekonomi; atau
- vi. sebuah institusi latihan teknikal atau vokasional.

**Organisasi** ertinya satu organisasi di Malaysia yang bukan dikendalikan atau dijalankan untuk tujuan mencari keuntungan iaitu:-

- i. sebuah organisasi yang ditubuhkan dan disenggarakan semata-mata untuk mentadbir dan menambahkan satu dana awam atau swasta untuk:-
  - a. pembinaan, pembesaran atau pembaikan sebuah institusi pendidikan di Malaysia tetapi tidak termasuk kompleks sukan, tempat rekreasi, tempat letak kereta dan lain-lain; atau
  - b. pemberian suatu biasiswa atau hadiah untuk individu bagi kerja-kerja pelajaran atau kerja-kerja penyelidikan dalam sebuah institusi di Malaysia;
- ii. sebuah organisasi yang ditubuhkan dan disenggarakan semata-mata:-
  - a. untuk mentadbir dan menambahkan dana awam/tabung untuk meringankan kesusahan di kalangan warganegara Malaysia; atau
  - b. membantu menyelenggarakan sebuah zoo, muzium, galeri seni atau usaha yang serupa atau yang terlibat dalam sesuatu berkaitan dengan promosi kebudayaan atau kesenian;
- iii. sebuah organisasi yang ditubuhkan khusus untuk pemeliharaan dan perlindungan binatang-binatang;
- vi. sebuah organisasi yang dibantu oleh Kerajaan melalui pemberian geran dan kepakaran bagi:-

## LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

---

- a. pembangunan industri/komersial dan menggalakkan serta memperbaiki hubungan antara sektor awam dan sektor swasta;
- b. mentadbir serta menambahkan suatu dana untuk menggalakkan perpaduan negara;
- v. sebuah organisasi yang ditubuhkan khusus untuk pemeliharaan atau perlindungan alam sekitar;
- iv. sebuah organisasi antarabangsa seperti ditakrifkan di bawah Akta Organisasi Antarabangsa (Keutamaan dan Imuniti) 1992 yang menjalankan aktiviti amal/khairat yang ditentukan oleh Menteri Kewangan; atau
- ii. sebuah organisasi yang khusus ditubuhkan bagi menjalankan projek komuniti ke arah pembudayaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) yang diluluskan oleh Menteri Kewangan.

### **3. KRITERIA KELAYAKAN INSTITUSI ATAU ORGANISASI BAGI PERMOHONAN KELULUSAN DI BAWAH SUBSEKSYEN 44(6) ACP 1967**

#### **3.1 Objektif Penubuhan Institusi atau Organisasi**

Penubuhan institusi atau organisasi mestilah **di Malaysia** dan **bukan bertujuan untuk mencari keuntungan.**

#### **3.2 Khidmat atau Manfaat oleh Institusi atau Organisasi di bawah Subseksyen 44(6) ACP 1967**

- i. Khidmat atau manfaat terbuka kepada **rakyat Malaysia** tanpa mengira bangsa, agama dan keturunan.
- ii. Khidmat atau manfaat **tidak terhad** kepada sesuatu kumpulan sasaran berdasarkan **keturunan, anutan agama, fahaman politik atau kawasan tertentu.**
- iii. Khidmat atau manfaat **tidak dinikmati** oleh **pengasas, Ahli Lembaga Pemegang Amanah, Ahli Lembaga Pengarah, ahli jawatankuasa atau mana-mana pihak yang mengendalikan institusi atau organisasi.**

## LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

---

- iv. Khidmat atau manfaat **tidak dinikmati** oleh ahli keluarga atau mana-mana pihak yang berkepentingan dengan pengasas/ Ahli Lembaga Pemegang Amanah/Ahli Lembaga Pengarah/ ahli jawatankuasa/ mana-mana pihak yang mengendalikan institusi atau organisasi.
- v. Pengasas/ Ahli Lembaga Pemegang Amanah/Ahli Lembaga Pengarah/ ahli jawatankuasa/ mana-mana pihak yang mengendalikan institusi atau organisasi **tidak boleh** menggunakan kuasa dan kedudukan mereka untuk kepentingan tertentu melalui organisasi yang diluluskan tersebut.

### 3.3 **Syarat-syarat Ahli Lembaga Pemegang Amanah/ Ahli Lembaga Pengarah/ Ahli Jawatankuasa Institusi Atau Organisasi**

- i. Lebih 50% Ahli Lembaga Pemegang Amanah/ Ahli Lembaga Pengarah/ ahli jawatankuasa mestilah terdiri daripada orang luar yang tidak mempunyai perkaitan dengan institusi atau organisasi atau pengasas. Perkaitan adalah termasuk dan tidak terhad kepada:
  - a. hubungan kekeluargaan seperti ibu-bapa, anak, adik beradik termasuk lain-lain hubungan kekeluargaan yang rapat;
  - b. hubungan majikan dan pekerja; atau
  - c. pengarah atau pekerja di dalam syarikat atau kumpulan syarikat yang sama.

Syarat perlantikan ini terpakai kepada institusi/organisasi yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang Jabatan Perdana Menteri (BHEUU) sahaja.

Manakala, institusi/organisasi yang berdaftar dengan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia, lantikan Ahli Lembaga Pemegang Amanah/ Ahli Lembaga Pengarah/ ahli jawatankuasa mestilah terdiri daripada ahli-ahli yang berdaftar dan mempunyai kuasa untuk mengundi.

- ii. Pengasas/ Ahli Lembaga Pemegang Amanah/ Ahli Lembaga Pengarah/ ahli jawatankuasa tidak boleh menerima manfaat atau saraan daripada institusi atau organisasi termasuk emolumen

## LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

---

tetap. Walau bagaimanapun, permohonan untuk kelulusan penerimaan manfaat boleh dipertimbangkan dalam keadaan seperti berikut:

- a. permohonan golongan kurang upaya, kehilangan upaya disebabkan kecederaan atau berpenyakit. Permohonan perlu disokong dengan dokumen pengesahan Jabatan Kebajikan Masyarakat atau surat pengesahan pegawai perubatan Kerajaan; atau
- b. tuntutan bayaran balik berkaitan tugas rasmi institusi atau organisasi adalah dibenarkan dengan sokongan dokumen berkaitan.

### 3.4 Tempoh Operasi bagi Institusi atau Organisasi Layak Memohon

Institusi atau organisasi yang layak memohon hendaklah masih beroperasi sekurang-kurangnya 2 tahun (24 bulan). Ini adalah untuk memastikan:

- i. objektif penubuhan yang dirancang telah dijalankan ; dan
- ii. institusi atau organisasi adalah berdaftar dengan badan pendaftar di Malaysia.

## 4. PROSEDUR PERMOHONAN KELULUSAN DI BAWAH SUBSEKSYEN 44(6) ACP 1967

4.1 Orang yang layak mengemukakan permohonan bagi pihak institusi atau organisasi adalah seperti berikut -

- i. Presiden, Pengerusi, Pengarah, Setiausaha sesebuah institusi atau organisasi; atau
- ii. Wakil bertauliah yang dilantik secara sah oleh institusi atau organisasi.

4.2 Permohonan hendaklah menggunakan kepala surat rasmi yang menyatakan dengan jelas alamat surat-menyurat, emel, nombor telefon serta dokumen sokongan seperti perenggan 4.4 di bawah.

4.3 Permohonan yang lengkap hendaklah dikemukakan kepada:-

## LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

---

Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri  
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia  
Jabatan Dasar Percukaian  
Aras 17, Menara Hasil  
Persiaran Rimba Permai, Cyber 8  
63000 Cyberjaya  
Selangor.

4.4 Senarai semak dokumen yang diperlukan bagi setiap permohonan adalah seperti berikut:-

- i. Permohonan bagi Syarikat Berhad Menurut Jaminan yang ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 2016 (seperti di lampiran)
- ii. Permohonan bagi Pertubuhan/Persatuan yang ditubuhkan di bawah Akta Pertubuhan 1966 (seperti di lampiran)
- iii. Surat Ikatan Amanah bagi Institusi/Organisasi yang ditubuhkan melalui Surat Ikatan Amanah (seperti di lampiran)
- iv. Bagi institusi atau organisasi yang mempunyai pusat jagaan warga emas, anak yatim dan seumpamanya, berikut adalah dokumen tambahan lain yang diperlukan :-
  - a. sijil pendaftaran daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat;
  - b. senarai nama penghuni, penjaga atau waris;
  - c. latar belakang pusat jagaan; dan
  - d. senarai aktiviti harian/tahunan yang dijalankan oleh pusat jagaan.

4.5 Pemohon perlu mengisi dan mengesahkan serta memperakui penghantaran dokumen seperti di senarai semak semasa membuat permohonan. Kegagalan mengemukakan dokumen yang lengkap akan menyebabkan permohonan tidak akan diproses.

## 5. SYARAT-SYARAT KELULUSAN DI BAWAH SUBSEKSYEN 44(6) ACP 1967

Dalam tempoh kelulusan, institusi atau organisasi mestilah mematuhi syarat-syarat berikut:-

## LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

---

- i. Institusi atau organisasi hendaklah terus ditubuhkan dengan tidak bertujuan untuk mencari keuntungan.
- ii. Institusi atau organisasi hendaklah secara berterusan memberikan khidmat atau manfaat seperti syarat-syarat berikut:-
  - a. khidmat atau manfaat diberikan kepada rakyat Malaysia tanpa mengira bangsa, agama dan keturunan;
  - b. khidmat atau manfaat tidak terhad kepada sesuatu kumpulan sasaran, anutan agama, fahaman politik atau kawasan tertentu;
  - c. khidmat atau manfaat tidak dinikmati oleh pengasas/ ahli lembaga pemegang amanah/ ahli lembaga pengarah/ ahli jawatankuasa/ mana-mana pihak yang mengendalikan institusi atau organisasi;
  - d. khidmat atau manfaat tidak dinikmati oleh ahli keluarga Pemegang Amanah atau mana-mana pihak yang berkepentingan kepada pengasas/ Ahli Lembaga Pemegang Amanah/ Ahli Lembaga Pengarah/ ahli jawatankuasa/ mana-mana pihak yang mengendalikan institusi atau organisasi; dan
  - e. pengasas/ Ahli Lembaga Pemegang Amanah/ Ahli Lembaga Pengarah/ ahli jawatankuasa/ mana-mana pihak yang mengendalikan institusi atau organisasi tidak boleh menggunakan kuasa dan kedudukan mereka untuk kepentingan tertentu melalui institusi atau organisasi yang diluluskan tersebut.
- iii. Ahli Lembaga Pemegang Amanah/ Ahli Lembaga Pengarah/ ahli jawatankuasa institusi atau organisasi hendaklah terus mematuhi syarat-syarat di dalam perenggan 3.3(i) dan (ii) garis panduan ini.

### **5.1 Larangan Ke Atas Institusi Atau Organisasi Yang Telah Diluluskan Di Bawah Subseksyen 44(6) ACP 1967**

Institusi atau organisasi yang diluluskan adalah dilarang daripada melakukan perkara berikut:-



## LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

---

- a. melabur di dalam syarikat subsidiari dengan pegangan saham melebihi 49%;
- b. menerima derma daripada syarikat subsidiari yang mana institusi atau organisasi memegang lebih 49% saham;
- c. menggunakan logo rasmi LHDNM atau mengubahsuai logo tersebut di dalam semua dokumen dan media;
- d. melibatkan diri dalam sebarang kegiatan politik atau gerakan kesatuan sekerja atau membenarkan kewangannya, ahli/staf dan premis/harta digunakan untuk tujuan tersebut; dan
- e. membeli atau menambah aset yang tidak selari dengan objektif institusi atau organisasi.

### **6. TANGGUNGJAWAB INSTITUSI ATAU ORGANISASI SETELAH MENDAPAT KELULUSAN DI BAWAH SUBSEKSYEN 44(6) ACP 1967**

6.1 Tanggungjawab institusi atau organisasi selepas mendapat kelulusan di bawah subseksyen 44(6) ACP 1967 adalah seperti berikut:

- i. **Resit rasmi -**
  - a. Semua derma yang diterima dalam bentuk tunai atau melalui perbankan internet, cek/ kiriman wang/ wang pos/ draf bank perlu menggunakan resit rasmi,
  - b. Resit rasmi mesti mengandungi maklumat :
    - Nama dan alamat institusi atau organisasi;
    - Nombor siri resit rasmi yang bercetak (*preprinted*);
    - Tarikh resit;
    - Nama penderma berserta dengan nombor kad pengenalan, nombor passport dan nombor pendaftaran perniagaan penderma;
    - Alamat surat menyurat penderma;
    - Jawatan pemungut (*collector*) seperti Presiden atau Bendahari; dan
    - Catatan berikut -

**"Potongan Di Bawah Subseksyen 44(6) Akta Cukai**

**Pendapatan 1967:**

**Rujukan: LHDN.01/35/42/51/179-6.XXXX**

**Tarikh Kuatkuasa: 1 Ogos 2017 hingga 31 Jun 2024"**

- c. Resit **tidak layak diberi** kepada **penderma yang gagal** memberikan maklumat yang lengkap berkaitan dirinya. Maklumat yang lengkap perlu diberikan dengan butiran berikut:-
- Bagi penderma individu:
    - Nama penderma;
    - Nombor kad pengenalan / nombor passport; dan
    - Alamat lengkap
  - Bagi penderma selain daripada individu:
    - Nama penderma;
    - Nombor pendaftaran; dan
    - Alamat Lengkap
- ii. **Pemakluman awal secara bertulis perlu dibuat kepada Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri Malaysia bagi perkara berikut:-**
- a. sebelum pemilikan aset atau harta tambahan;
  - b. sebelum pelupusan harta;
  - c. sebelum sebarang pertukaran Ahli Lembaga Pengarah/ Ahli Lembaga Pemegang Amanah/ ahli jawatan kuasa, keahlian institusi atau organisasi; atau
  - d. sebelum pindaan kepada perlembagaan atau surat ikatan amanah institusi atau organisasi.
- iii. **Kelulusan/Kebenaran Bertulis Daripada Menteri Kewangan diperlukan terlebih dahulu jika** menjalankan aktiviti di luar Negara. Institusi atau organisasi perlu menghantar salinan surat kelulusan daripada Kementerian Kewangan kepada LHDNM.

iv. **Lain-lain -**

- a. Sekurang-kurangnya 50% daripada pendapatan yang diperolehi dalam tahun terdahulu mestilah dibelanjakan pada tahun berikutnya untuk aktiviti bagi mencapai objektif-objektif institusi atau organisasi.
- b. Institusi atau organisasi dibenarkan melibatkan diri dalam **perniagaan** dengan syarat hanya menggunakan **25%** daripada dana yang terkumpul pada hari pertama dalam sesuatu tahun taksiran itu. Semua pendapatan yang diperolehi hendaklah dimasukkan semula ke dalam dana berkenaan untuk digunakan bagi mencapai objektif kebajikannya.
- c. Satu penyata kewangan tahunan yang telah beraudit oleh Juruaudit Awam bertauliah hendaklah dihantar sebelum atau pada 30 April setiap tahun ke –

Jabatan Dasar Percukaian  
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia  
Menara Hasil, Aras 17  
Persiaran Rimba Permai,  
Cyber 8, 63000 Cyberjaya  
Selangor Darul Ehsan

Penyata kewangan yang disatukan hendaklah dikemukakan oleh institusi atau organisasi sekiranya mempunyai cawangan di bawah naungannya. Penyata yang disatukan tersebut hendaklah mengandungi semua pendapatan yang diterima dan perbelanjaan yang dibuat olehnya. Sila lampirkan maklumat berikut bersama-sama penyata kewangan:-

- Senarai penderma yang telah menderma sebanyak **RM20,000.00 dan ke atas**
- Senarai penerima bantuan yang lengkap dengan butiran berikut -
  - Maklumat penerima bantuan

## LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

---

- Nama, nombor kad pengenalan, amaun, jenis bantuan
  - Maklumat ibu dan bapa atau penjaga
    - Nama, nombor kad pengenalan serta majikan ibu dan bapa atau penjaga
  - Maklumat institusi atau organisasi yang menerima bantuan
    - Nama, alamat dan nama pengarah institusi atau organisasi
- d. Semua rekod dan dokumen institusi atau organisasi hendaklah disimpan untuk dikemukakan kepada KPHDN untuk rujukan dan semakan sekiranya diperlukan kelak.
- e. Berikut adalah rujukan kepada institusi atau organisasi yang diluluskan di bawah subseksyen 44(6) ACP 1967 :
- no pendaftaran permohonan dan kelulusan di bawah subseksyen 44(6) ACP 1967; dan
  - no fail cukai pendapatan di bawah TF yang perlu didaftarkan di cawangan LHDNM.
- f. Institusi atau organisasi hendaklah menghantar Borang Nyata Cukai Pendapatan (**Borang TF**) secara e-filing kepada KPHDN selewat-lewatnya pada 30 April setiap tahun diperuntukkan di bawah seksyen 77 ACP 1967.
- g. Sekiranya institusi atau organisasi **dibubarkan** –
- Kesemua hutang dan tanggungan hendaklah dijelaskan dan baki aset dan wang, jika ada, hendaklah didermakan kepada Kerajaan atau kepada institusi atau organisasi lain yang telah diluluskan oleh KPHDN.
  - Pembubaran ini hendaklah dimaklumkan kepada KPHDN dengan segera selewat-lewatnya **dalam tempoh 14 hari dari tarikh pembubaran**.

- Akaun bank institusi atau organisasi tersebut hendaklah ditutup dengan segera. Sesalinan surat penutupan akaun bank perlu dikemukakan kepada Jabatan Dasar Percukaian, LHDNM sebagai bukti.

## **7. AKIBAT PELANGGARAN SYARAT-SYARAT KELULUSAN**

- 7.1 Sekiranya institusi atau organisasi melanggar mana-mana **syarat kelulusan** yang dinyatakan dalam garis panduan ini atau ACP 1967, KPHDN atas budi bicaranya boleh membatalkan kelulusan di bawah subseksyen 44(6) ACP 1967.
- 7.2 Dalam perenggan 7.1, perkataan '**syarat kelulusan**' termasuk syarat kelulusan dan tanggungjawab institusi atau organisasi selepas mendapat kelulusan di bawah subseksyen 44(6) ACP 1967 yang dikeluarkan oleh KPHDN dari semasa ke semasa.

## **8. TEMPOH MASA KELULUSAN, LANJUTAN DAN RAYUAN PERMOHONAN DI BAWAH SUBSEKSYEN 44(6) AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967**

- 8.1 Tempoh kelulusan oleh KPHDN adalah **selama 5 tahun** kepada institusi atau organisasi yang diluluskan di bawah subseksyen 44(6) ACP 1967.
- 8.2 Bagi tujuan lanjutan tempoh kelulusan, institusi atau organisasi perlu secara bertulis dalam tempoh 6 bulan sebelum tamat tempoh untuk membuat permohonan kepada KPHDNM.
- 8.3 Lanjutan tempoh kelulusan akan diberikan pertimbangan oleh KPHDN berdasarkan semakan rekod pematuhan syarat-syarat kelulusan terdahulu.

## **9. KUASA KPHDN KE ATAS KELULUSAN DAN PENGENAAN SYARAT-SYARAT**

Syarat-syarat kelulusan dan tanggungjawab institusi atau organisasi yang disenaraikan di dalam garis panduan ini tidak mengehendkan atau sebaliknya menjejaskan kuasa KPHDN di bawah seksyen 148 ACP 1967 berkenaan dengan kelulusan di bawah subseksyen 44(6) ACP 1967.

## **LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**

---

### **10. LAYANAN CUKAI KE ATAS PENDERMA**

- 10.1 Penderma-penderma yang memberi sumbangan dan derma kepada sesebuah institusi atau organisasi yang telah diluluskan di bawah subseksyen 44(6) ACP 1967 layak mendapat tolakan atas sumbangan dan derma mereka dalam pengiraan pendapatan agregat.
- 10.2 Hanya sumbangan dan derma-derma wang tunai yang disokong oleh resit-resit rasmi layak untuk tolakan. Sumbangan dan derma barangan (misalnya makanan, pakaian, komputer, saham dan bahan binaan) tidak layak untuk tolakan cukai.
- 10.3 Jenis-jenis pelepasan cukai:-
  - i. Derma atau sumbangan kepada Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan Kerajaan Tempatan adalah bersamaan amaun derma dan sumbangan serta perlu dibuktikan dengan Resit Kewangan 38.
  - ii. Derma atau sumbangan di bawah kelulusan Ketua Pengarah, amaun adalah terhad 10% daripada pendapatan agregat kepada individu dan syarikat.

## **LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**

Tarikh : 30 Januari 2020

s.k : LHDN.01/35/42/51/179-aa



**PERMOHONAN KELULUSAN DI BAWAH SUBSEKSYEN 44(6), AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967**

Senarai semak : Institusi atau Organisasi yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)

sebagai Syarikat Berhad Menurut Jaminan

- Salinan sijil perakuan pendaftaran yang telah dikeluarkan dan disahkan oleh SSM;
- Salinan lesen dan syarat-syarat kelulusan yang dikeluarkan dan disahkan oleh SSM;
- Lesen di bawah seksyen 24(1) dan syarat-syarat kelulusan di bawah seksyen 24(3) bagi Akta Syarikat 1965; atau
- Lesen di bawah seksyen 45(3) dan syarat-syarat kelulusan di bawah seksyen 45(5) bagi Akta Syarikat 2016;
- Salinan Perlembagaan yang lengkap ditandatangani dan disahkan oleh SSM;
- Salinan Borang 49 di bawah Akta Syarikat 1965 / Seksyen 58 di bawah Akta Syarikat 2016 yang lengkap dan disahkan oleh SSM;
- Senarai Ahli Lembaga Pengarah yang lengkap dengan menyatakan nama, alamat penuh, nombor kad pengenalan, pekerjaan, nama dan alamat majikan/perniagaan dan jawatan yang dipegangnya dalam jawatankuasa sebagaimana format yang dilampirkan (Lampiran B);
- Penyata kewangan yang beraudit bagi dua tahun yang terkini;
- Senarai aktiviti yang telah dan akan dijalankan bagi dua tahun yang terkini sebagaimana format yang dilampirkan (Lampiran C);
- Surat sokongan dari Jabatan/Kementerian yang berkenaan; dan
- No. fail cukai pendapatan di bawah C/TF/TA - \_\_\_\_\_
- Saya mengakui bahawa maklumat/dokumen yang dikemukakan adalah benar dan lengkap. Saya memahami bahawa jika sekiranya maklumat ini didapati palsu atau tidak lengkap, permohonan ini tidak akan dipertimbangkan.**

.....  
Nama: ( )  
Tarikh :

**Nota**

1. Permohonan hanya akan diproses sekiranya dokumen lengkap diterima.
2. Sekiranya Ahli Lembaga Pengarah merupakan Pengarah kepada beberapa syarikat lain atau pemunya kepada perniagaan lain, sila nyatakan nama dan alamat kesemua syarikat/perniagaan yang berkenaan.
3. Lebih 50% Ahli Lembaga Pemegang Amanah/ Ahli Lembaga Pengarah/ ahli jawatankuasa mestilah terdiri daripada orang luar yang tidak mempunyai perkaitan dengan institusi atau organisasi atau pengasas termasuklah :
  - a. hubungan kekeluargaan;
  - b. hubungan majikan dan pekerja;
  - c. pengarah atau pekerja di dalam syarikat atau kumpulan syarikat yang sama; dan
  - d. bukan **ahli berdaftar** dalam institusi atau organisasi tersebut.
4. Surat sokongan daripada Jabatan/Kementerian mestilah menyatakan sokongan ke atas permohonan institusi atau organisasi untuk mendapatkan kelulusan di bawah subseksyen 44(6) ACP 1967. Jabatan/Kementerian mestilah berkaitan dengan objektif dan aktiviti institusi atau organisasi. Surat sokongan **selain** dari Jabatan/Kementerian yang berkenaan hanya diterima sebagai surat sokongan tambahan sahaja.
5. Institusi atau Organisasi yang ingin membuat permohonan di bawah subseksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan 1967 mestilah telah mendaftarkan fail cukai pendapatan di bawah C/TF/TA. Pendaftaran boleh dibuat di mana-mana cawangan LHDNM yang berhampiran.



JABATAN DASAR PERCUKAIAN  
LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA  
MENARA HASIL, ARAS 17  
PERSIARAN RIMBA PERMAI  
CYBER 8, 63000 CYBERJAYA  
SELANGOR DARUL EHSAN

LAMPIRAN A

**PERMOHONAN KELULUSAN DI BAWAH SUBSEKSYEN 44(6), AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967**

Senarai semak : Institusi atau Organisasi yang berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan Malaysia (ROS) sebagai sebuah Persatuan/Pertubuhan

- Salinan sijil perakuan pendaftaran yang telah dikeluarkan dan disahkan oleh ROS;
- Salinan Perlembagaan / Undang-Undang yang telah disahkan oleh ROS;
- Senarai Ahli Jawatankuasa yang lengkap dengan menyatakan nama, alamat penuh, nombor kad pengenalan, pekerjaan, nama dan alamat majikan/perniagaan dan jawatan yang dipegangnya dalam jawatankuasa sebagaimana format yang dilampirkan (Lampiran B);
- Penyata kewangan yang beraudit bagi dua tahun yang terkini;
- Senarai aktiviti yang telah dan akan dijalankan bagi dua tahun yang terkini sebagaimana format yang dilampirkan (Lampiran C);
- Surat sokongan dari Jabatan/Kementerian yang berkenaan; dan
- No.fail cukai pendapatan di bawah TF - \_\_\_\_\_
- Saya mengakui bahawa maklumat/dokumen yang dikemukakan adalah benar dan lengkap. Saya memahami bahawa jika sekiranya maklumat ini didapati palsu atau tidak lengkap, permohonan ini tidak akan dipertimbangkan.***

.....  
Nama : ( )  
Tarikh :

**Nota**

1. *Permohonan hanya akan diproses sekiranya dokumen lengkap diterima.*
2. *Sekiranya jawatankuasa merupakan Pengarah kepada beberapa syarikat lain atau pemunya kepada perniagaan lain, sila nyatakan nama dan alamat kesemua syarikat/perniagaan yang berkenaan.*
3. *Surat sokongan daripada Jabatan/Kementerian mestilah menyatakan sokongan ke atas permohonan institusi atau organisasi untuk mendapatkan kelulusan di bawah subseksyen 44(6) ACP 1967. Jabatan/Kementerian mestilah berkaitan dengan objektif dan aktiviti institusi atau organisasi. Surat sokongan selain dari Jabatan/Kementerian yang berkenaan hanya diterima sebagai surat sokongan tambahan sahaja.*
4. *Institusi atau Organisasi yang ingin membuat permohonan di bawah subseksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan 1967 **mestilah telah mendaftarkan fail cukai pendapatan di bawah TF.** Pendaftaran boleh dibuat di mana-mana cawangan LHDNM yang berhampiran.*





JABATAN DASAR PERCUKAIAN  
LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA  
MENARA HASIL, ARAS 17  
PERSIARAN RIMBA PERMAI  
CYBER 8, 63000 CYBERJAYA  
SELANGOR DARUL EHSAN

LAMPIRAN A

**PERMOHONAN KELULUSAN DI BAWAH SUBSEKSYEN 44(6), AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967**

Senarai semak : Institusi atau Organisasi yang berdaftar dengan Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang Jabatan Persana Menteri (BHEUU) sebagai sebuah Tabung Khas / Majlis / Lain-lain Organisasi

- Salinan sijil pemerbadanan pemegang amanah yang telah dikeluarkan dan disahkan oleh BHEUU;
- Salinan Surat Ikatan Amanah yang telah lengkap disempurnakan dan disetem serta disahkan oleh BHEUU;
- Senarai Ahli Lembaga Pemegang Amanah yang lengkap dengan menyatakan nama, alamat penuh, nombor kad pengenalan, pekerjaan, nama dan alamat majikan/perniagaan dan jawatan yang dipegangnya dalam jawatankuasa sebagaimana format yang dilampirkan (Lampiran B);
- Penyata kewangan yang beraudit bagi dua tahun yang terkini;
- Senarai aktiviti yang telah dan akan dijalankan bagi dua tahun yang terkini sebagaimana format yang dilampirkan (Lampiran C);
- Surat sokongan dari Jabatan/Kementerian yang berkenaan; dan
- No. fail cukai pendapatan di bawah TF / TA - \_\_\_\_\_
- Saya mengakui bahawa maklumat/dokumen yang dikemukakan adalah benar dan lengkap. Saya memahami bahawa jika sekiranya maklumat ini didapati palsu atau tidak lengkap, permohonan ini tidak akan dipertimbangkan.**

**Nota**

.....  
Nama: ( )  
Tarikh :

1. Permohonan hanya akan diproses sekiranya dokumen lengkap diterima.
2. Sekiranya Jawatankuasa merupakan Pengarah kepada beberapa syarikat lain atau pemunya kepada pemiagaan lain, sila nyatakan nama dan alamat kesemua syarikat/pemiagaan yang berkenaan.
3. Lebih 50% Ahli Lembaga Pemegang Amanah/ Ahli Lembaga Pengarah/ Ahli Jawatankuasa mestilah terdiri daripada orang luar yang tidak mempunyai perkaitan dengan institusi atau organisasi atau pengasas termasuklah :
  - a. hubungan kekeluargaan
  - b. hubungan majikan dan pekerja;
  - c. pengarah atau pekerja di dalam syarikat atau kumpulan syarikat yang sama; dan
  - d. keahlian (ahli berdaftar) dalam institusi atau organisasi tersebut.
4. Surat sokongan daripada Jabatan/Kementerian mestilah menyatakan sokongan ke atas permohonan institusi atau organisasi untuk mendapatkan kelulusan di bawah subseksyen 44(6) ACP 1967. Jabatan/Kementerian mestilah berkaitan dengan objektif dan aktiviti institusi atau organisasi. Surat sokongan **selain** dari Jabatan/ Kementerian yang berkenaan hanya diterima sebagai surat sokongan tambahan sahaja.
5. Institusi atau Organisasi yang ingin membuat permohonan di bawah subseksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan 1967 **mestilah telah mendaftarkan fail cukai pendapatan di bawah TF / TA**. Pendaftaran boleh dibuat di mana-mana cawangan LHDNM yang berhampiran.





## LAMPIRAN

### CONTOH PENGIRAAN PEMATUHAN SYARAT MEMBELANJAKAN 50% PENDAPATAN

#### CONTOH 1

Yayasan OPQ telah mendapat kelulusan pada tahun 2015 dan telah menerima derma berjumlah RM 1,000,000 dalam tahun 2015 dan RM 2,000,000 dalam tahun 2016. Perbelanjaan yang telah dilakukan oleh Yayasan OPQ berjumlah RM 600,000 dalam tahun 2015 dan RM 800,000 dalam tahun 2016. Pematuhan adalah ditunjukkan seperti di bawah:-

	Tahun	Penerimaan (RM) A	Baki bawa hadapan (RM) B	Jumlah perbelanjaan tahun semasa (RM) C	Peratus dibelanjakan $D = [C/A_1] \times 100$	Pematuhan syarat 50% Patuh (P) / Tidak Patuh (TP)	Dana Terkumpul Ke tahun hadapan E
1	2015	1,000,000	-	600,000	-	-	400,000
2	2016	2,000,000	400,000	800,000	80	P	1,600,000

#### CONTOH 2

Lanjutan daripada contoh 1, Yayasan OPQ telah menerima derma berjumlah RM 1,200,000 dalam tahun 2017. Yayasan membelanjakan RM 900,000 daripada kutipan semasa dan baki terdahulu bagi memenuhi syarat pematuhan. Pematuhan adalah ditunjukkan seperti di bawah:-

	Tahun	Penerimaan (RM) A	Baki bawa hadapan (RM) B	Jumlah perbelanjaan tahun semasa (RM) C	Peratus dibelanjakan $D = [C/A_2] \times 100$	Pematuhan syarat 50% Patuh (P) / Tidak Patuh (TP)	Dana Terkumpul Ke tahun hadapan E
1	2015	1,000,000	-	600,000	-	-	400,000
2	2016	2,000,000	400,000	800,000	80	P	1,600,000
3	2017	1,200,000	1,600,000	900,000	45	TP	1,900,000

Yayasan OPQ didapati gagal mematuhi syarat 50% perbelanjaan dalam tahun 2017, penjelasan perlu dikemukakan kepada LHDNM.

### **CONTOH 3**

Lanjutan daripada contoh 1 dan 2, Yayasan OPQ telah menerima derma berjumlah RM 300,000 dalam tahun 2018. Yayasan OPQ membelanjakan RM 500,000 dalam Tahun 2018 bagi memenuhi syarat pematuhan. Pematuhan adalah ditunjukkan seperti di bawah:-

	Tahun	Penerimaan (RM) A	Baki bawa hadapan (RM) B	Jumlah perbelanjaan tahun semasa (RM) C	Peratus dibelanjakan $D = [C/A_3] \times 100$	Pematuhan syarat 50% Patuh (P) / Tidak Patuh (TP)	Dana Terkumpul Ke tahun hadapan E
1	2015	1,000,000	-	600,000	-	-	400,000
2	2016	2,000,000	400,000	800,000	80	P	1,600,000
3	2017	1,200,000	1,600,000	900,000	45	TP	1,900,000
4	2018	300,000	1,900,000	500,000	42	TP	1,700,000

Yayasan OPQ didapati gagal mematuhi syarat 50% perbelanjaan dalam tahun 2018, penjelasan perlu dikemukakan kepada LHDNM.